

Kebudayaan Islam

Bangsa Melayu Dengan Islam

“ masyarakat Melayu ialah masyarakat Islam, iaitu masyarakat yang dibentuk dan disalurkan atas kepercayaan dan ajaran-ajaran yang dibawa oleh Islam. Walaupun di dalam praktiknya tidak begitu tepat, seperti mana yang dikehendaki oleh agama Islam yang sebenar-benarnya sebab soal melaksanakan sesuatu dasar itu adalah terhenti kepada ((dalam)) atau ((ceteknya)) fahaman kita terhadap dasar itu sendiri ” kata penulis makalah ini antara lain-lain.

Al-Ustādh Ali Taib, penulis makalah ini, berkelulusan B. A. dari Universiti Kaherah dan sedang berkhidmat di Kuala Lumpur – Penyunting Qalam.

(Oleh: Ali Taib)

Kuatnya pengaruh agama Islam di dalam masyarakat Melayu tidaklah perlu kepada penyelidikan yang dalam, kerana kesan-kesan Islam dapat kita lihat dengan terang dan nyata pada segala segi hidup orang-orang Melayu, sama ada di dalam perkara-perkara yang tidak ada kena-mengena dengan agama, iaitu di dalam segi adat istiadat mereka umpamanya. Walaupun ada di antara adat-adat yang masih dipegang kuat oleh orang-orang Melayu itu bertentangan dengan agama Islam tetapi mereka tidak keberatan mencampurinya dengan faham-faham agama, sehingga sukar sekali bagi orang-orang yang tipis fahamnya di dalam agama Islam untuk membezakan yang manakah berasal dari adat dan yang manakah betul-betul dari agama.

Di antara kesan-kesan Islam yang nyata sekali di dalam masyarakat Melayu, ialah seluruh bangsa Melayu dengan tidak ada berkecualian adalah beragama Islam, kenyataan ini adalah suatu perkara yang jarang kita dapati di kalangan sesuatu

bangsa yang mana seluruh anggota-anggotanya memeluk suatu agama yang tertentu, sehingga di kalangan umat Arab sendiri tidak semuanya beragama Islam, sedangkan di kalangan merekalah cahaya Islam mula memancar dan merekalah orang-orang yang pertama membawa panji-panji Islam ke seluruh alam ini. Di kalangan orang-orang Arab banyak yang beragama Kristian. (*

*) Yang sebenarnya tidak banyak. Di antara 80 juta umat Arab, yang mendiami dunia Arab dari Teluk Parsi santak ke negeri Maghribi di pantai Lautan Atlantik, hanya kira-kira 3 juta yang beragama Kristian. Orang-orang Kristian ini ialah orang-orang Qibti di Mesir yang berjumlah 2 juta, dan orang-orang Lubnan dan lain-lain yang berjumlah satu juta. Mereka itu ialah keturunan orang-orang Kristian sebelum zaman Islam. – Penyunting Qalam.

Islam juga telah mempengaruhi kuat ke dalam jiwa orang-orang Melayu sehingga tingkah laku dan cara pergaulan mereka sehari-hari adalah bercorak tingkah laku yang digalakkan oleh Islam, walaupun kadangkalanya kita dapati orang Melayu mempraktikkan ajaran-ajaran Islam itu tidak begitu tepat dengan kehendak-kehendak Islam, kerana soal itu disebabkan oleh singkat pengetahuan mereka dari hal ajaran-ajaran yang sebenar dan bukannya timbul dari keengganan atau seperti mana yang dikatakan mengambil apa yang dipandang sesuai dan menolak mana-mana yang tidak sesuai. Dan dari kesan-kesan itulah munculnya kebudayaan Melayu sebagai kebudayaan Islam.

Dari sini dapatlah kita mengambil kesimpulan bahawa masyarakat Melayu itu adalah masyarakat Islam, iaitu masyarakat yang dibentuk dan disalurkan atas kepercayaan dan ajaran-ajaran yang dibawa oleh Islam. Walaupun di dalam praktiknya tidak begitu tepat, seperti mana yang dikehendaki oleh agama Islam yang sebenar-benarnya sebagaimana yang telah saya sebutkan, sebab soal melaksanakan sesuatu dasar

itu adalah terhenti kepada ((dalam)) atau ((ceteknya)) fahaman kita terhadap dasar itu sendiri. Kalau sekiranya fahaman kita terhadap sesuatu dasar itu dalam, maka dalam dan tepat pulalah kita mempraktikkannya, dan begitulah sebaliknya.

Sungguhpun masyarakat Melayu itu masyarakat Islam dan orang-orang Melayu sendiri kuat berpegang kepada ajaran-ajaran agamanya sehingga terkadang kali membawa kepada fanatik atau taksab membuta tuli, tetapi sayang, apa yang diterima oleh orang-orang Melayu dari hal agama mereka itu tidaklah meliputi seluruh ajaran-ajarannya. Ini bererti bahawa agama Islam yang difaham oleh orang-orang Melayu adalah semata-mata agama ibadat iaitu agama yang hanya mempersoalkan perhubungan manusia dengan Tuhannya, dan ganjaran-ganjaran yang akan diterima oleh orang-orang yang patuh kepada perintah-perintah Allah dan balasan-balasan terhadap orang-orang yang menentang-Nya. Tetapi tentang soal perhubungan manusia sesama manusia serta bagaimana hendak menyusun perhubungan itu tidaklah dipersoalkan oleh orang-orang Melayu, malah

3 Bulan di Tanah Suci

(oleh: Abdullah Basmeh)

Sambungan siarannya – yang ke-4 – akan disiarkan pada bulan hadapan.

tentang perhubungan antara manusia dengan Tuhannya itu pun belum pernah dianalisis dengan secara ilmiah.

Ini boleh jadi oleh kerana fahaman yang sampai ke tanah air kita ini semata-mata fahaman yang berhubung dengan akidah dan perkara-perkara yang bersangkutan dengan rukun-rukun Islam itu sahaja, tetapi fahaman Islam secara meluas atau lebih tepatnya tamadun Islam itu belum pernah sampai ke mari dan belum pernah dikaji dan dibincangkan oleh umat Islam di tanah air kita ini, maka sebab itulah orang-orang kita memahami Islam dari seginya yang sempit sahaja sedangkan Islam bukanlah hanya agama ibadat semata-mata, malah ia adalah suatu agama yang meliputi seluruh segi hidup manusia sama ada untuk hidup ((duniawi)) mahupun ((akhirat)).

Boleh jadi kita hanya mementingkan soal-soal akhirat sahaja itu oleh kerana pada masa agama Islam sampai ke tanah air kita ini ia sedang menghadapi kemunduran maka sudah tentu aliran itulah juga yang diterima oleh orang-orang kita di sini sedangkan tamadunnya tidak sampai. Walaupun agama Islam dan tamadunnya itu sekali sudah sampai ke tanah air kita tetapi pada masa itu akal orang-orang kita belum lagi ada persediaan untuk menerima fikiran-fikiran dan pendapat-pendapat yang dalam dan rumit itu maka dengan sebab itu fikiran-fikiran dan pendapat-pendapat yang rumit itu hilang begitu sahaja, seperti mana hal keadaan kita orang-orang Melayu zaman ini. Sungguh pun kita hidup di dalam zaman pergolakan ilmu pengetahuan yang maha besar, tetapi sungguhpun begitu kita hanya bersikap sebagai pemerhati sahaja terhadap perkembangan-perkembangan sains dan tamadun baharu yang sedang hebat

diperbincangkan oleh bangsa-bangsa yang sudah dan ingin mencapai kemajuan itu.

Dengan sebab kita tidak kenal akan tamadun Islam ataupun kita kenal tetapi tidak mempunyai persediaan untuk menerimanya, maka dengan sebab itu kita umat Islam tertinggal jauh ke belakang, sedangkan Islam sendiri adalah menyuruh dan menggalakkan penganut-penganutnya supaya mencapai ketinggian di dunia dan juga di akhirat.

Akhir sekali saya tegaskan kalau kita orang-orang Melayu tidak ingin ketinggalan di dalam kemajuan dunia sekarang ini maka hendaklah kita luaskan fahaman kita di dalam agama Islam, kemudian kita sesuaikan pendapat-pendapatnya dengan kehendak-kehendak kemajuan dan tamadun sekarang. Dan untuk mencapai ini semuanya tidak ada jalan selain daripada ilmu pengetahuan, iaitu ilmu pengetahuan yang bukan semata-mata berhubung dengan hal ehwal agama dan sebagainya tetapi juga sains, teknologi dan lain-lain. Maka dari sinilah perlunya sekolah-sekolah tinggi Islam yang akan menjadi pusat segala pengajian itu, kalau tidak akan tetaplh kita tertinggal, ditinggalkan oleh roda kemajuan yang berpusing dengan amat laju itu.

SUDAH TERBIT!

PERSURATAN MELAYU III

DRAMA

Harga \$7.00

Pesan kepada: –

QALAM,

356 & 358 Geylang Road,

Singapore, 14.